

Headline	Lebih 2,000 mohon permit utiliti		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	07 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	250,000	Readership	750,000
Section	News	Page No	6
ArticleSize	134 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,942		



# Lebih 2,000 mohon permit utiliti

**SHAH ALAM** - Koridor Utiliti Selangor (Kusel) yang bertanggungjawab menjadi pemudah cara dalam urusan pembangunan utiliti menerima 2,203 permohonan permit setakat ini.

Pengarah Urusannya Khairul Azmi Misran menjelaskan angka sejak Mac 2022 merangkumi penyediaan utiliti air, elektrik, telekomunikasi, gas dan pembentungan.

Beliau menjelaskan kelulusan pula dibuat pihak tertentu sama ada pihak

berkuasa tempatan, pejabat daerah dan tanah atau Jabatan Kerja Raya.

"Kita hanya sebagai pemudah cara untuk memanjangkan permohonan syarikat atau agensi tertentu mendapatkan kebenaran pembangunan di negeri ini.

"Agensi dan syarikat yang membuat permohonan permit antaranya Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, **Tenaga Nasional Berhad**, Gas Malaysia dan Petronas Gas Berhad," katanya pada 25 Januari.

Kusel bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ditubuh bagi memastikan penyedia utiliti menepati garis panduan dan penggalian jalan negeri yang diterbitkan PlanMalaysia@ Selangor.

Penubuhannya selaras hasrat menjadikan Selangor sebagai Negeri Pintar menjelang 2025 dengan menyediakan persekitaran kondusif untuk masyarakat.

